

05 JAN 2001

Hamid-Media

PENGUMUMAN LETAK JAWATAN HAMID OTHMAN KEJUTKAN WARTAWAN

PUTRAJAYA, 5 Jan (Bernama) -- Lebih 20 wartawan dan jurugambar yang menghadiri sidang media Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman di pejabatnya di sini hari ini terkejut dengan pengumumannya untuk meletak jawatan sebagai menteri.

Kebanyakan pemberita juga turut tidak menyangka bahawa sidang media itu juga merupakan sidang media terakhir Abdul Hamid sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana pada awalnya menganggap sidang media itu seperti sidang media yang biasa dihadiri dengan beliau.

Malah ada antara pemberita yang menyangka sidang media itu sengaja diadakan sempena Hari Raya Aidilfitri memandangkan "tetamu" yang hadir turut dihidangkan dengan jamuan makan.

Yang turut hadir di sidang media itu ialah isterinya Datin Jamilah Mohamed Said, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Brig Jen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (Ikim) Datuk Dr Ismail Ibrahim serta Ketua Pengarah Tabung Haji Datuk Badroddin Kassim.

Bagaimanapun, sidang media yang dijadualkan pada 3.30 petang itu hanya bermula pada 4 petang dan berakhir 25 minit kemudian.

Abdul Hamid dalam ucapan ringkasnya berkata beliau telah mengemukakan surat peletakan jawatannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri berlepas untuk lawatannya ke Myanmar Rabu lepas.

Peletakan Abdul Hamid dibuat di tengah-tengah spekulasi bahawa Dr Mahathir akan mengumumkan rombakan kabinet tidak lama lagi.

Menurut spekulasi, Abdul Hamid ialah antara menteri yang akan digugurkan dalam rombakan itu.

-- BERNAMA

NHA MAI